

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik pesakit ikut warganegara, kaum, gender, kumpulan umur di Hospital Bukit Mertajam mengikut jabatan hospital (contoh : rawatan luar, materniti, paediatric, paliatif dan lain-lain) dari tahun 2010 sehingga terkini pada 2014.

Tuan Yang di-Pertua

Pada tahun 2010, Hospital Bukit Mertajam mencatatkan sejumlah 14,307 kemasukan (*admissions*) pesakit dalam dan 238,907 kedatangan pesakit luar. Pada tahun 2011, jumlah pesakit dalam dan kedatangan pesakit luar meningkat masing-masing kepada 15,045 pesakit untuk pesakit dalam dan 256,760 kedatangan pesakit luar (**Jadual 1** dan **Jadual 2**).

Daripada jumlah kemasukan yang dinyatakan, sebanyak 98peratus daripada jumlah kemasukan di Hospital Bukit Mertajam terdiri daripada Warganegara Malaysia, dan hanya 2 peratus adalah kemasukan oleh bukan warganegara. Manakala, bagi kedatangan pesakit luar pula, sebanyak 99 peratus adalah pesakit warganegara.

Secara keseluruhan, pada tahun 2010 dan 2011, jumlah kemasukan dan kedatangan pesakit luar paling ramai dicatatkan oleh pesakit berbangsa Melayu, diikuti dengan Cina dan India (**Jadual 3**).

Perbandingan dari segi jantina pula menunjukkan secara keseluruhan, jumlah pesakit lelaki yang mendapatkan rawatan di Hospital Bukit Mertajam melebihi jumlah pesakit wanita. Walau bagaimanapun, kemasukan pesakit dalam lebih ramai disumbangkan oleh pesakit wanita, manakala pesakit lelaki lebih ramai mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar.

Kumpulan umur 20 hingga 34 tahun mencatatkan jumlah kemasukan pesakit dalam yang tertinggi bagi tahun 2010 dan 2011, diikuti dengan kumpulan umur 0 hingga 4 tahun (**Jadual 4**). Bagi kedatangan pesakit luar, pesakit berumur bawah 10 tahun mencatatkan 27,803 kedatangan pada tahun 2010 dan 28,100 kedatangan pada tahun 2011, kumpulan umur 10 hingga 19 tahun pula merekodkan 28,882 (2010) dan 29,252 kedatangan (2011), 20 hingga 59 tahun merekodkan 125,031 (2010) dan 134,698 (2011) kedatangan, manakala pesakit berumur 60 tahun dan ke atas mencatatkan 57,191 dan 64,710 kedatangan masing-masing pada tahun 2010 dan 2011 (**Jadual 5**).

Kemasukan pesakit ke Hospital Bukit Mertajam mengikut disiplin pada tahun 2010 dan 2011 ditunjukkan di Jadual 6. Walau bagaimanapun, tiada perincian mengikut kumpulan umur, jantina dan kaum.

Jadual 1**Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam ke Hospital Bukit Mertajam Mengikut Kumpulan Etnik dan Jantina, 2010-2011**

Kumpulan Etnik	2010			2011		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	3,773	5,094	8,867	4,103	5,609	9,712
Cina	1,456	1,187	2,643	1,448	1,241	2,689
India	1,265	1,245	2,510	1,080	1,293	2,373
Bumiputera Lain	9	6	15	2	1	3
Lain-Lain	12	8	20	10	8	18
Warganegara	6,515	7,540	14,055	6,643	8,152	14,795
Bukan Warganegara	143	109	252	131	119	250
Jumlah	6,658	7,649	14,307	6,774	8,271	15,045

Sumber:

Laporan HIMS Rawatan Perubatan, 2010 dan 2011

Pusat Informatik kesihatan, KKM

Jadual 2**Jumlah Kedatangan Pesakit Luar ke Hospital Bukit Mertajam Mengikut Kumpulan Etnik dan Jantina,
2010-2011**

Kumpulan Etnik	2010			2011		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	55,406	47,401	102,807	53,422	49,457	102,879
Cina	37,389	32,387	69,776	42,257	36,936	79,193
India	32,006	30,813	62,819	36,057	34,436	70,493
Bumiputera Lain	2	0	2	117	87	204
Lain-Lain	572	456	1,028	483	311	794
Warganegara	125,375	111,057	236,432	132,336	121,227	253,563
Bukan Warganegara	1,425	1,050	2,475	1,761	1,436	3,197
Jumlah	126,800	112,107	238,907	134,097	122,663	256,760

Sumber:

Laporan HIMS Rawatan Perubatan, 2010 dan 2011

Pusat Informatik kesihatan, KKM

Jadual 3**Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam dan Kedatangan Pesakit Luar Bukit Mertajam Mengikut Kumpulan Etnik dan Jantina, 2010-2011**

Kumpulan Etnik	2010			2011		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	59,179	52,495	111,674	57,525	55,066	112,591
Cina	38,845	33,574	72,419	43,705	38,177	81,882
India	33,271	32,058	65,329	37,137	35,729	72,866
Bumiputera Lain	11	6	17	119	88	207
Lain-Lain	584	464	1,048	493	319	812
Warganegara	131,890	118,597	250,487	138,979	129,379	268,358
Bukan Warganegara	1,568	1,159	2,727	1,892	1,555	3,447
Jumlah	133,458	119,756	253,214	140,871	130,934	271,805

Sumber:

Laporan HIMS Rawatan Perubatan, 2010 dan 2011

Pusat Informatik kesihatan, KKM

Jadual 4**Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam ke Hospital Bukit Mertajam Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina, 2010-2011**

Kumpulan Umur	2010			2011		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
0 - 4	1,072	854	1,926	1,296	1,004	2,300
5 - 19	812	688	1,500	873	701	1,574
20 - 34	925	2,548	3,473	858	2,831	3,689
35 - 44	574	794	1,368	566	895	1,461
45 - 54	903	695	1,598	805	651	1,456
55 - 64	1,042	794	1,836	1,018	843	1,861
65 - 74	841	747	1,588	801	783	1,584
75 dan ke atas	489	529	1,018	557	563	1,120
Jumlah	6,658	7,649	14,307	6,774	8,271	15,045

Sumber:

Laporan HIMS Rawatan Perubatan, 2010 dan 2011

Pusat Informatik kesihatan, KKM

Jadual 5**Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam ke Hospital Bukit Mertajam Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina, 2010-2011**

Kumpulan umur (Tahun)	2010			2011		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Bawah 10	15,945	11,858	27,803	15,332	12,768	28,100
10-19	15,537	13,345	28,882	14,797	14,455	29,252
20-59	64,232	60,799	125,031	68,167	66,531	134,698
60 dan ke atas	31,086	26,105	57,191	35,801	28,909	64,710
Jumlah	126,800	112,107	238,907	134,097	122,663	256,760

Sumber:

Laporan HIMS Rawatan Perubatan, 2010 dan 2011

Pusat Informatik kesihatan, KKM

Jadual 6**Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam ke Hospital Bukit Mertajam Mengikut Kumpulan Disiplin,
2010-2011**

DISIPLIN	2010	2011
Perubatan Am	4,141	4,129
Perubatan Paediatric	2,531	2,428
Psikiatri	44	44
Pembedahan Am	2,315	1,965
Obstetrik	1,971	2,179
Ginekologi	778	1,121
Orthopedik	1,026	1,116
Oftalmologi	1,061	1,126
Otorhinolaryngologi	373	513
Special Care Nursery (SCN)	59	500
Lain-lain	171	205
Jumlah	14,470	15,326

Sumber:

Laporan HIMS Rawatan Perubatan, 2010 dan 2011
Pusat Informatik kesihatan, KKM

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]**

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan kepada setiap sekolah mengikut sekolah masing-masing di Bukit Mertajam dari tahun 2008 hingga kini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan pembinaan sekolah bagi memastikan kesemua rakyat Malaysia di setiap negeri mendapat akses pendidikan yang sewajarnya. Setakat ini di bawah peruntukan pembangunan (DE), sebanyak 72 buah projek sekolah di Bukit Mertajam telah dibina dari tahun 2008 hingga kini dengan kos RM69,372,238.87.

Bagi perbelanjaan mengurus pula, KPM telah menyalurkan peruntukan dari tahun 2008 hingga 2013 kepada sekolah SK sebanyak RM52,626,993,335, SJK(C) sebanyak RM9,547,624,959, SJK (T) sebanyak RM3,549,603,092, Sekolah Vokasional sebanyak RM3,004,663,095 dan Sekolah Agama Rakyat sebanyak RM228,883,676.